



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **30 Mar 2021 (Selasa)**

### **Berita Harian**

Kabinet bincang bantah cadangan penjajaran semula ECRL	1
Sektor tenaga bakal sumbang pendapatan Worldwide	2

### **Utusan Malaysia**

Selangor punca ECRL tertangguh	3
Memahami keputusan kes Jill Ireland	4
Sajjad: Polis jumpa ibubapa usahawan kosmetik	5

### **Harian Metro**

Perhalusi isu kalimah Allah	6
-----------------------------	---

### **Kosmo**

ECRL: Kerajaan rugi RM1.25j sehari	7
Peluang rentasi Tasik Shah Alam dengan zip line	8

### **Sinar Harian**

Peniaga pening kepala	9
Emosi rakyat semakin terganggu	10
Jualan tong air meningkat empat kali ganda	11
ECRL Kerajaan rugi RM1.25 juta sehari	12
Sajat nafi menyorok daripada JAIS	13
Zip line, air pancut muzikal tarikan baharu Shah Alam	14
Wajib asingkan sisa pepejal	15

### **AlHijrah**

Selangor Smart Agro Park	16
--------------------------	----

### **Astro Awani**

Ecll : Kerajaan Rugi RM1.25 Juta Sehari	17
---	----

### **Berita Harian Online**

MRL bawa isu ECRL ke mesyuarat jemaah menteri	18
Sektor tenaga jadi penyumbang pendapatan Worldwide	19

### **Bername News Channel**

Skim NaDI & Go Digital Bantu Peniaga Kecil Di Selangor	20
--	----

### **KOSMO Online**

ECRL: Kerajaan rugi RM1.25 juta sehari	21
--	----

### **myMetro On-line**

Sultan Selangor titah KKM tingkatkan kemudahan kesihatan di luar bandar	22
Tangguh ECRL, kerajaan rugi 1.25 juta sehari	23

### **Sinar Harian Online**

MBSJ saran wajibkan pengasingan sisa pepejal di Selangor	24
Tangguh ECRL: Kerajaan tanggung rugi RM1.25 juta sehari	25
YB, kenapa suka lompat parti	26
Zip line, musical fountain tarikan Shah Alam	27



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>TV3</b>	
Dua Tarikan Pelancongan Baharu Diperkenalkan	28
<b>Utusan Malaysia Online</b>	
Ditahan bersama isteri hisap dadah	29
Kerajaan tanggung rugi RM1.25 juta sehari	30
Usaha penjagaan kesihatan rakyat luar bandar dipertingkatkan	31
<b>The Star</b>	
Poorly repaved road upsets Taman Bukit Kuchai folk	32
Separate waste to boost recycling, Subang Jaya residents urged	33
CLEAN TOILETS	34
PHOTO COMPETITION	35
<b>New Straits Times</b>	
Bank Pembangunan to co - finance PIPP power plant project	36
<b>Malaysiakini Online</b>	
ECRL postponement: Govt suffers RM1.25m losses a day - Mohd Zuki	37
<b>New Straits Times Online</b>	
Afif takes Johari to task over claims on PN govt's economic performance	38
BPMB inks financing deal for Pulau Indah power plant project	39
ECRL postponement: Govt suffers RM1.25 million in losses a day	40
<b>The Malay Mail Online</b>	
ECRL postponement: Govt suffers RM1.25m losses a day, says Malaysia Rail Link chairman	41
Senior minister: Midas InvestMalaysia Portal goes live	42
<b>The Malaysian Reserve</b>	
Umno-PN break up may push PM to re-strategise with Opposition	43
Pulau Indah Power Plant gets RM2.7b financing	44
<b>China Press</b>	
Selangor produces 7,000 tons of waste per day and consumes 60 acres of land per year to landfill	45
Selangor produces 7000 metric tonnes of garbage a day; 60 acre of land used per year for landfilling	46
After the heavy rain, the muddy flows down the ditch, and floods the parking lot of PPR	47
<b>Sin Chew Daily</b>	
Minister Selangor: Received the approval letter from the Ministry of Real Estate, Daerah Hulu Selangor will be upgraded to a city	48
Selangor produces 7000 metric tonnes of garbage per day; Ng Sze Han : Resource recycling is important	49
All people reduce the use of plastic	50
Lim Hock San: Maintain cohesion, father reminds the family to be harmonious and united	51
YBAM online conference, Yong Kuei Yoong appointed as president	52
Mohd Zuki: Selangor hasn't decided yet on the ECRL route, government is losing RM1.25 million a day	53
Met a scumbag at online dating, single mother is scammed of all her savings, she loses her savings and is charged for debt	54



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Nanyang Siang Pau**

Ng Sze Han : 60 acres of land used in a year; Selangor must manage landfilling strictly 55

### **Guang Ming Daily**

Selangor handle with 7000 metric tons of garbage every day; Ng Sze Han: Need a solution to solve it 56



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kabinet bincang bantah cadangan penjajaran semula ECRL
Muka Surat	:	7

### Kabinet bincang bantah cadangan penjajaran semula ECRL

**Putrajaya:** Tindakan Kerajaan Selangor membantah cadangan penjajaran semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sehingga menyebabkan projek tertangguh selama setahun akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri.

Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata satu memorandum berhubung perkara itu akan disediakan Kementerian Pengangkutan dan dibentangkan dalam masa terdekat.

Beliau berkata, kelewatan Kerajaan Selangor membuat keputusan berhubung pelaksanaan projek itu menyebabkan MRL menanggung kerugian RM1.25 juta sehari.

"Sekarang kita masih berharap Kerajaan Selangor akan menimbangkan semula projek itu, malah perkara ini juga akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri secepat mungkin untuk membuat keputusan," katanya selepas Majlis Pelancaran Buku *365 Hari Mohd Zuki Ali: Aspirasi dan Cabar* di sini, semalam.

Mohd Zuki yang juga Ketua Setiausaha Negara dalam kenyataan sebelum ini menyatakan kekecewaannya terhadap keputusan EXCO Selangor membantah penjajaran projek ECRL, terutama selepas MRL sebagai pemilik projek melakukan banyak sesi libat urus dengan kerajaan negeri dan agensinya sejak lapan bulan lalu bermula Jun 2020.

Kerajaan Selangor menyokong projek ECRL tetapi mempertahankan pendiriannya supaya rangkaian kereta api itu menggunakan laluan selatan melintasi Negeri Sembilan dan Putrajaya berbanding penggunaan laluan utara melalui Gombak dan Serendah seperti diumumkan Menteri Pengangkutan baru-baru ini.

Katanya, projek ini sepatutnya tidak ditangguhkan kerana ia mengakibatkan kerugian besar.

"Kita kena ingat projek ini membabitkan peruntukan besar dan disebabkan kelewatan Selangor membuat keputusan, kita terpaksa tanggung kerugian RM1.25 juta sehari.

"Kita sudah berikan semua penjelasan kepada Kerajaan Selangor dan sepatutnya tidak ada alasan untuk menangguhkannya kerana makin lama (tertangguh), ia mengganggu keseluruhan projek," katanya.

Mohd Zuki berkata, kelewatan itu juga dikhawatiri menyebabkan perancangan asal projek yang sepatutnya siap pada 2026 tidak dapat direalisasikan.

Katanya, perkara itu perlu dilihat serius kerana boleh menjejaskan imej kerajaan, memandangkan projek berkenaan adalah kerjasama dengan Kerajaan China.



**KERATAN AKHBAR**  
**30 March 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sektor tenaga bakal sumbang pendapatan Worldwide
Muka Surat	:	44

## Sektor tenaga bakal sumbang pendapatan Worldwide

**Worldwide** Holdings Bhd (Worldwide) menjangkakan portfolio tenaga dan tenaga boleh diperbaharui (RE) akan menjadi penyumbang terbesar pendapatan kumpulan dalam tempoh empat tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Worldwide, Datin Paduka Norazlina Zakaria, berkata portfolio tenaga kumpulan itu akan menyumbang sekitar 50 peratus berdasarkan kepada penyiapan pembangunan projek stesen jana kuasa 1,200 MW turbin gas di Pulau Indah, Selangor.

Beliau berkata, ketika ini terdapat empat portfolio di bawah kumpulan iaitu hartanah, tenaga, kesihatan dan tenaga boleh diperbaharui dengan sumbangan yang hampir sama.

"Sektor hartanah menyumbang sekitar 40 peratus, manakala sektor tenaga dan tenaga boleh diperbaharui serta kesihatan masing-masing menyumbang sekitar 30 peratus.

"Namun selepas projek stesen jana kuasa di Pulau Indah siap sekitar 2024, segmen tenaga akan menjadi penyumbang utama kepada pendapatan kumpulan.

"Kumpulan juga mempunyai satu lagi projek tenaga boleh diperbaharui menggunakan bahan buangan sebagai tenaga yang akan memulakan fasa pertamanya tahun ini.

"Bagaimanapun sektor lain masih terus menjadi tumpuan kumpulan terutamanya hartanah kerana kita masih mempunyai simpanan tanah yang besar," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian di antara Pulau Indah Power Plant Sdn Bhd (PIPP), syarikat usaha



**Nor Azmie (kiri)** menyampaikan cenderamata kepada Chi-Beom sambil diperhatikan Amirudin pada majlis menandatangani perjanjian kemudahan pembiayaan pembangunan projek stesen jana kuasa di Shah Alam, semalam. (Foto Fariz Iswadi Ismail/BH)

sama Worldwide dan Korea Electric Power Corporation (KEPCO) dengan Maybank Islamic Bhd (Maybank Islamic), Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB) dan UOB Malaysia Bhd, di Shah Alam, semalam.

PIPP memperoleh pembiayaan (Fresh Commodity Murabahah Term Financing-i Facility) sehingga RM2.7bilion berkaitan dengan pembangunan projek stesen jana kuasa 1,200 MW turbin gas di Pulau Indah, Selangor.

Majlis menandatangani perjanjian disaksikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Duta Besar Korea Selatan, Lee Chi-Beom.

Mengulas lanjut, Norazlina berkata, Maybank Islamic dan BPMB masing-masing memberikan pembiayaan sebanyak 40 per-

atus daripada jumlah keseluruhan pembiayaan, manakala 20 peratus daripada UOB Malaysia.

Katanya, projek PIPP membatik kos sebanyak RM3.3 bilion dengan Worldwide mempunyai 75 peratus kepentingan dalamnya, manakala KEPCO sebanyak 25 peratus.

Beliau berkata, projek jana kuasa itu kini sudah memasuki fasa pembinaan yang akan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan dan dijangka akan memulakan operasi pada Januari 2024.

Katanya, stesen jana kuasa itu bakal menyokong keperluan tenaga elektrik yang semakin meningkat di Lembah Klang dan menampung beban asas tenaga di wilayah itu.

Tenaga berkarbon rendah yang dihasilkan stesen jana kua-

sa ini akan disalurkan ke wilayah tengah Semenanjung Malaysia, membabitkan daerah seperti Klang, Sepang dan Kuala Langat yang mempunyai permintaan tenaga elektrik yang tinggi.

Sementara itu, Pengerusi Worldwide, Datuk Nor Azmie Diron, berkata projek itu bakal menggunakan bahan canggih paling inovatif di dunia, penyejukan, aerodinamik, pembakaran, dan keupayaan digital yang akan mengurangkan kesan kepada alam sekitar.

Beliau yang juga Pengerusi PIPP berkata, stesen jana kuasa itu dijangka beroperasi dengan kecukupan bersih lebih daripada 62 peratus, jauh lebih tinggi daripada stesen jana kuasa arang batu atau minyak yang setaraf dengannya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 March 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor punca ECRL tertangguh
Muka Surat	:	5

## Selangor punca ECRL tertangguh



**MOHD. Zuki Ali** menunjukkan bukunya berjudul **365 hari Mohd. Zuki Ali: Aspirasi dan Cabaran** selepas dilancarkan di Putrajaya, semalam.  
 - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
 maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Walaupun Kerajaan Pusat telah memberikan semua penjelasan yang perlu berkaitan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) kepada Selangor tetapi negeri itu tetap melengah-lengahkan keputusan sehingga mengganggu pelaksanaan keseluruhan projek itu.

Akibatnya, Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, projek tersebut telah tertangguh selama 12 bulan dan kerajaan terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM1.25 juta sehari.

Menurut beliau, pakej ECRL bermula dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang melibatkan seksyen A, B dan C. Seksyen A dah selesai, Seksyen B juga sudah selesai dari segi perancangan

dan urusan untuk meneruskan projek berjalan lancar.

“Cuma apa yang saya sebutkan di Selangor, kita kena ingat projek ini melibatkan peruntukan kos yang besar. Projek ini dijangka siap 2026, dengan kelewatan ini saya khuatir apa yang kita rancangkan tidak dapat dilaksanakan seperti dijadualkan.

“Saya khuatir ia akan melibatkan imej kerajaan juga sebab projek ini melibatkan kerjasama China,” katanya selepas melancarkan buku *365 Hari Mohd. Zuki Ali: Aspirasi & Cabaran* di sini semalam.

Sebelum ini, kerajaan Selangor dilaporkan menyokong projek ECRL tetapi meminta rangkaian kereta api itu menggunakan laluan selatan melintasi Negeri Sembilan dan Putrajaya berbanding melalui Gombak dan Serendah seperti

yang diumumkan.

Keputusan Exco Selangor mempertahankan pendiriannya untuk tidak bersetuju dengan cadangan penajaran semula ECRL itu hanya melewatkan Seksyen C (Mentakab-Pelabuhan Klang) projek itu dan ia berpotensi mengubah tarikh siap projek secara keseluruhan yang dijangka pada Disember 2026.

Mohd. Zuki berkata, isu penangguhan persetujuan kerajaan negeri Selangor itu akan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam masa terdekat supaya satu keputusan dicapai.

Bagaimanapun beliau berharap, Selangor akan mempertimbangkan semula keputusan untuk persetujuan projek itu.

“Perancangan projek ini tidak boleh buat separuh-separuh, kita kena buat keseluruhan seperti dirancang,” katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**30 March 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Memahami keputusan kes Jill Ireland
Muka Surat	:	17

**MINDA PEGUAM**

Oleh **Salleh Buang**

**P**ADA 10 Mac lalu, kita dikejutkan oleh keputusan Hakim Datuk Nor Bee Ariffin dalam kes *Jill Ireland v Menteri Dalam Negeri & Kerajaan Malaysia*. Saya terpaksa menunggu beberapa hari selepas itu sebelum menerima salinan penghakiman bertulis hakim bicara setebal 96 halaman daripada seorang sahabat di Putrajaya.

Keputusan hakim bicara itu tidak mudah difahami kerana sarat dengan fakta kes serta pelbagai isu undang-undang berkaitan yang dibangkitkan. Secara ringkas, fakta kes ini adalah seperti berikut:

Jill Ireland (pemohon) telah mencabar tindakan responden merampas barang miliknya, lapan cakera padat (CD) pendidikan yang mengandungi kalimah 'Allah' pada tajuknya, dibawa masuk ke negara ini untuk kegunaannya sendiri, bukan untuk maksud mengajjar atau berdakwah kepada orang lain. Peristiwa rampasan itu berlaku pada 11 Mei 2008 di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) Sepang ketika dia baru sampai dari Jakarta, Indonesia.

Pada 28 Ogos 2008, pemohon memfailkan satu permohonan *ex parte* untuk mendapatkan izin semakan kehakiman. Dalam permohonan itu, pemohon meminta mahkamah mengeluarkan perintah tersebut, antaranya:

(a) *Certiorari* untuk membatalkan keputusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) (responden pertama).

(b) *Mandamus* untuk mengarahkan responden memulangkan CD tersebut kepadanya.

(c) Satu deklaras di bawah Perkar 11 Perlembagaan Persekutuan bahawa dia berhak membawa masuk CD itu untuk mengamalkan agamanya.

(d) Satu deklaras di bawah Perkar 8 Perlembagaan Persekutuan bahawa dia berhak dilindungi dari diskriminasi.

(e) Satu deklaras di bawah Perkar 11 bahawa dia berhak menggunakan kalimah 'Allah'.

**BICARA DI MAHKAMAH TINGGI**

Pada 4 Mei 2009, pemohon menerima izin mahkamah dan kesnya mula didengar. Pada 21 Julai 2014, Mahkamah Tinggi



**PARA** peguam berjalan keluar selepas mahkamah memutuskan penganut Kristian di Sabah dan Sarawak boleh menggunakan kalimah Allah di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 Mac lalu. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

# Memahami keputusan kes Jill Ireland

mengeluarkan dua perintah, iaitu - (a) *certiorari* untuk membatalkan rampasan yang dilakukan oleh responden pertama, dan (b) *mandamus*, memerintahkan CD berkenaan dipulangkan kepada pemohon. Malangnya, mahkamah tidak mengenai isu Perlembagaan yang disebutkan dalam (c), (d) dan (e) di atas.

Kedua-dua pihak terkilan dengan keputusan mahkamah ini. Responden telah membuat rayuan dan pemohon juga telah membuat rayuan balas. Setahun kemudian, pada 23 Jun 2015, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan responden, tetapi meluluskan sebahagian daripada rayuan balas pemohon. Dengan itu, Mahkamah Rayuan menyerahkan balik isu Perlembagaan (dalam (c), (d) dan (e) di atas kepada Mahkamah Tinggi untuk didengar dan diputuskan.

Seperti diarahkan oleh Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi kemudian mendengar hujah kedua-dua pihak mengenai isu Perlembagaan tersebut, dalam prosiding pada Oktober dan November 2017. Mengikut jadual asal, Mahkamah Tinggi sepatutnya mengumumkan keputusannya pada Mac 2018, tetapi disebabkan beberapa perkara yang tidak boleh dielakkan, ia

ditangguh beberapa kali. Akhirnya, pada Jumaat, 10 Mac lalu, Mahkamah Tinggi mengumumkan keputusannya dan mengeluarkan perintahnya seperti berikut:

(1) Mengesahkan hak Perlembagaan pemohon untuk mempelajari dan mengamalkan agamanya sendiri.

(2) Mengesahkan hak Perlembagaan pemohon untuk tidak didiskriminasi disebabkan agamanya.

(3) Mengeluarkan deklaras bahawa pengharaman oleh KDN berhubung penggunaan kalimah "Allah" dalam penerbitan Kristian sebagai tidak sah dan menyalah Perlembagaan.

Pada 15 Mac lalu, Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun mengesahkan bahawa notis rayuan telah difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi pada hari itu. Salinan notis itu telah diberikan kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan dan firma peguam yang mewakili Jill Ireland.

**KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI**

Di bawah ini saya ringkaskan keputusan bertulis Mahkamah Tinggi tersebut:

Dalam perenggan (tujuh) penghakimannya, hakim bicara menyatakan bahawa pemohon (Jill Ireland) adalah "seorang warga negara Malaysia, seorang

pribumi bumiputera Kristian daripada suku kaum Melanau Sarawak."

Kata hakim bicara lagi, pemohon menuntut di sekolah di mana bahasa Malaysia adalah bahasa pengantar. Dia dan keluarganya menggunakan bahasa Malaysia dalam amalan agamanya serta pendidikan agamanya. Mereka juga menggunakan *Al-Kitab* dalam bahasa Indonesia, dan bergantung kepada bahan bertulis dan visual dalam bahasa Indonesia dalam amalan agama mereka.

Deskripsi hakim bicara mengenai pemohon di atas adalah amat signifikan, kerana ia berbeza sekali dengan deskripsi penganut agama Kristian yang biasa kita jumpa di Malaysia Barat.

Hakim bicara menegaskan (dalam perenggan 202) bahawa tidak ragu-ragu lagi lapan CD yang dirampas dalam kes ini adalah untuk kegunaan agama peribadi pemohon. Hakim juga memutuskan (dalam perenggan 203) bahawa "Arahan" yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri bertarikh 5 Disember 1986 mengharamkan penggunaan kalimah "Allah", "Kaabah", Baitullah" dan "Solat" adalah bertentangan dengan Perkar 11(1) Perlembagaan Persekutuan, dan oleh yang demikian, pemohon adalah berhak

**Keputusan hakim bicara itu tidak mudah difahami kerana sarat dengan fakta kes serta pelbagai isu undang-undang berkaitan."**

mendapatkan deklaras yang dipohonnya dalam perenggan (c) - iaitu, membawa masuk CD tersebut untuk mengamalkan agamanya.

Selain itu, hakim bicara juga memutuskan (dalam perenggan 204) bahawa diskriminasi oleh responden pertama terhadap pemohon "adalah jelas sejak dari awal lagi", dan oleh yang demikian, pemohon berhak mendapatkan deklaras dalam perenggan (d) - iaitu, perlindungan dari diskriminasi di bawah Perkar 8 Perlembagaan Persekutuan.

**APA SELEPAS INI?**

Pada 18 Mac lalu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, menzahirkan sokongan baginda agar Kerajaan Persekutuan meneruskan rayuannya.

Pada 23 Mac lalu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bertitah apa-apa buku dan tulisan agama Kristian di dalam apa-apa bentuk yang mengandungi kalimah "Allah" dilarang penggunaannya di Selangor. Baginda juga mahu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pemohon menjadi pencelah dalam rayuan ini.

Pada 26 Mac, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, memberitahu wartawan bahawa hasil *munaqasyah* (perbincangan khas) mengenai isu ini telah pun dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja pada 17 Mac lalu. Sementara menunggu maklum balas dari Majlis Raja-Raja, isu ini "akan diperhalusi agensi berkaitan bagi merangka tindakan susulan yang lebih tuntas," tambahnya.

Pastinya banyak kerja yang perlu dilakukan oleh pihak-pihak berkaitan jika perayu mahu proses rayuan di Mahkamah Rayuan itu berjaya. Sama-sama kita tunggu dan lihat kesudahan kes ini.

DATUK Salleh Buang ialah bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sajjad: Polis jumpa ibubapa usahawan kosmetik
Muka Surat	:	29



### Sajjad: Polis jumpa ibu bapa usahawan kosmetik

**SHAH ALAM:** Misteri 'kehilangan' usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau lebih dikenali sebagai Nur Sajad terus menjadi tanda tanya walaupun usaha mengesannya kini mendapat bantuan polis.

Bagaimanapun, difahamkan, polis telah bertemu dengan ibu bapa Sajjad dalam usaha membantu mengesannya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) telah menyerahkan perkara tersebut kepada polis untuk membantu 'mencari' Sajjad.

"Kedua-dua agensi iaitu Jais dan polis bekerjasama dalam menangani kes tersebut.

"Malah saya difahamkan, polis telah berjumpa dengan ibu bapa usahawan berkenaan," katanya.

Pada masa sama, Abdul Aziz mengulangi pesanan supaya Sajjad segera datang kepada Jais secara sukarela.

Terdahulu, Mahkamah Tinggi Syariah di sini mengeluarkan waran tangkap terhadap Sajjad atas tuduhan berpakaian seperti wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Waran tangkap dikeluarkan Hakim Syarie, Mohammad Khalid Shae @ Shaii.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 March 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Perhalusi isu kalimah Allah
Muka Surat	:	19

# Perhalusi isu kalimah Allah

Perbincangan kedua Jakim, panel akidah dan undang-undang bakal diadakan 2 minggu lagi

Oleh Aizat Sharif  
 am@hmetro.com.my

## Kangar

Satu perbincangan khas dijangka akan diadakan dalam masa dua minggu lagi bagi memperhalusi penghakiman berhubung isu kalimah Allah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, sesi perbincangan yang kedua itu memabitkan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) bersama

panel akidah dan undang-undang.

"Perbincangan ini lebih fokus kepada *task force* terhadap perkembangan sudut perundangan serta bagaimana untuk memperkasakan fatwa berkaitan kalimah Allah.

"Pada 16 Mac lalu sudah diadakan perbincangan pertama selepas keputusan penghakiman mengenai kalimah Allah dan ia sudah dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja," katanya di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) di Kuala Perlis di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya masih menantikan maklum balas daripada pihak Majlis Raja-Raja.

Terdahulu, Dr Zulkifli mengadakan lawatan kerja ke KUIPs bagi melihat perkembangan pembangunan serta pembelajaran yang disediakan oleh insti-

DR Zulkifli



tusi pengajian awam berkenaan.

Pada 10 Mac lalu, Mahkamah Tinggi memutuskan pengantun Kristian di seluruh negara boleh menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan agama mereka untuk tujuan pen-

didikan.

Dalam keputusan itu juga, tiga perkataan Arab yang lain iaitu Baitullah, Kaabah dan solat turut diberi kebenaran untuk digunakan.

Pada 15 Mac lalu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan kerajaan mengemukakan rayuan terhadap keputusan berkenaan.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menerusi titah baginda pada 23 Mac lalu menegaskan kalimah Allah dalam kitab Bible, terjemahan bahasa Melayu atau percetakan apa-apa buku dan tulisan agama Kris-

tian di dalam apa jua bentuk yang mengandungi kalimah Allah adalah dilarang penggunaannya di Selangor.

Baginda mengulangi pendirian kalimah Allah ialah kalimah suci umat Islam dan hanya boleh digunakan untuk merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa yang mempunyai sifat kesempurnaan.

Bagaimanapun, sekiranya perkataan Tuhan digunakan sebagai terjemahan kepada perkataan *God*, baginda tiada halangan atas penggunaan perkataan itu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>30 March 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	ECRL: Kerajaan rugi RM1.25j sehari
Muka Surat	:	6



PAPAN iklan pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Kuantan pada 2019.

## ECRL: Kerajaan rugi RM1.25j sehari

**KUANTAN** – Kerajaan terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM1.25 juta sehari berikutan kelewatan Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan berhubung penajajaran semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) membabitkan Seksyen C (Mentakab-Pelabuhan Klang).

Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, projek mega itu telah tertangguh selama 12 bulan dan tiada alasan untuk dilengah-lengahkan kerana kelewatan lebih panjang hanya akan mengganggu keseluruhan projek itu yang dijangka siap pada Disember tahun 2026.

“Perlu diingat bahawa projek ini melibatkan peruntukan yang besar, jadi sekarang

ini akibat daripada kelewatan atau lambatnya Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM1.25 juta sehari.

“Kita telah memberikan semua penjelasan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan saya rasa sepatutnya tiada alasan untuk dilengah-lengahkan sebab semakin lama ditangguh, ia akan mengganggu keseluruhan projek,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku 365 *Hari Apsirasi dan Cabaran Mohd. Zuki Ali* di Bora Ombak Marina Putrajaya di sini semalam.

Media sebelum ini melaporkan bahawa negeri Selangor

menyokong projek ECRL tetapi mempertahankan pendiriannya supaya rangkaian kereta api itu melintasi menggunakan laluan selatan melintasi Negeri Sembilan dan Putrajaya daripada penggunaan laluan utara melalui Gombak dan Serendah.

Turut hadir Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Khairul Adib Abd. Rahman dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Sallehuddin Hassan.

Buku setebal 261 muka surat itu merupakan karya sulung Mohd. Zuki yang menghimpunkan 19 ucapan, tiga wawancara dan dua artikel beliau sebagai Ketua Setiausaha Negara sepanjang tahun 2020.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 March 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Peluang rentasi Tasik Shah Alam dengan zip line
Muka Surat	:	18

## Peluang rentasi Tasik Shah Alam dengan Zip Line



**TENGGU AMIR SHAH (kanan) dan Amirudin mencuba aktiviti Zip Line yang merentasi Tasik Shah Alam di Shah Alam kelmarin.**

**SHAH ALAM** – Pengunjung di daerah ini berpeluang melihat secara dekat keindahan Tasik Shah Alam dengan melakukan Zip Line atau aktiviti *flying fox* bermula 1 April ini.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd. Rashidi Ruslan berkata, selain Zip Line, Air Pancut Muzikal turut menjadi tarikan pelancongan baharu bagi bandar raya ini dalam menggalakkan semula sektor pelancongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Katanya, Zip Line sepanjang 240 meter itu adalah cetusan idea Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk memberikan pengalaman merentasi Tasik Shah Alam.

Air Pancut Muzikal pula terletak di laman budaya dan kedua-dua produk baharu itu terhasil susulan kejayaan pembukaan Taman Persahabatan Selangor-Jepun awal bulan ini.

"Pengunjung yang ingin menyertai Zip Line dibenarkan masuk secara percuma bermula 1 hingga 4 April ini.

"Zip Line yang bernilai RM500,000 mula beroperasi 1 hingga 12 April dari 10 pagi hingga 6.30 petang (Isnin dan Jumaat), 8.30 pagi hingga 6.30 petang (Sabtu dan Ahad)," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Zip Line dan Air Pancut Muzikal kelmarin.

Tengku Amir Shah turut berangkat merasmikan kedua-dua tarikan baharu Shah Alam itu

yang disertai Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Mohd. Rashidi memberitahu, warga banda raya ini akan menerima diskaun sebanyak RM5 sepanjang masa daripada caj RM20 hingga RM40 mengikut kategori dan untuk pelajar adalah RM20 bagi dua sesi turunan.

Jelas beliau, Air Pancut Muzikal setinggi 30 meter yang dibina dengan kos lebih RM1 juta tersebut dilengkapi dengan sistem pencahayaan diod, pancaran cahaya (LED) berwarna-warni, audio dan pergerakan air beralun mengikut irama latar.

"Ia akan beroperasi bermula 2 April depan setiap Jumaat, Sabtu, Ahad dan cuti umum dari pukul 8.15 hingga 10 malam," katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Peniaga pening kepala
Muka Surat	:	4

## Peniaga pening kepala

Gangguan bekalan air berjadual di Selangor selama 48 jam menjejaskan peniagaan mereka

SHAH ALAM

Beberapa peniaga di Seksyen 23 di sini mengeluh berikutan kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu di Persiaran Selangor, Seksyen 15 yang mengakibatkan gangguan bekalan air selama 48 jam di 30 kawasan di daerah Petaling, Shah Alam dan Klang turut menyebabkan peniagaan mereka terjejas.

Seorang pengusaha cuci kereta, Muhd Rizal Hakim, 41, berkata, gangguan bekalan air

itu menyebabkan premisnya terpaksa ditutup pada Selasa sekali gus berdepan kerugian akibat tidak boleh beroperasi.

Menurutnya, keadaan bertambah sukar apabila sektor perkhidmatan itu juga tidak dibenarkan beroperasi sepanjang



MUHD RIZAL

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dilaksanakan.

"Saya akan kerugian sebanyak RM200 sekiranya tak buka kedai cuci kereta sehari. Bayangkan terpaksa tutup dua atau tiga hari, sudah tentu memberi kesan yang teruk.

"Ketiadaan air memberi kesan kepada peniaga terutama membabitkan penggunaan sumber itu.

"Kami hanyalah peniaga kecil yang bergantung kepada hasil jualan harian untuk membayar gaji pekerja dan komitmen

operasi lain seperti sewa kedai," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Isnin.

Seorang peniaga kedai makan, Zainab Abd Rahman, 63, berkata, kedainya hanya mampu beroperasi sehari sahaja sekiranya berlaku gangguan bekalan air.

Zainab berkata, dia sudah jemu dengan isu ketiadaan bekalan air dan berharap ada jalan penyelesaian menangani perkara tersebut.

"Hendak simpan tong banyak pun perlukan ruang kedai besar. Setakat sehari bolehlah, tetapi kalau memakan masa dua atau tiga hari sudah tentu menyusahkan kami," katanya dalam nada risau.

Zainab juga berharap gangguan bekalan air tahun lalu tidak berulang lagi seperti mana pada tahun ini.

"Cukuplah tahun lalu kami



Zainab bimbang ketiadaan bekalan air dalam tempoh lama menjejaskan peniagaan kedai makannya di Shah Alam, Selangor.

terpaksa tutup kedai sehari-berhari lamanya akibat masalah ini dan berharap perkara sama tidak lagi berlaku," katanya.

Tegas Zainab, pendapatannya hanya bergantung kepada peniagaan yang diusahakan kira-kira 30 tahun lalu.

"Kalau selalu tutup, macam mana saya mahu bayar gaji pekerja dan sewa kedai RM4,000 sebulan. Kalau boleh Air Selangor dapat mencari jalan penyelesaian menangani masalah ini," katanya.

Air Selangor sebelum ini memaklumkan, gangguan bekalan air berjadual selama 48 jam di lima kawasan di Wilayah Petaling, 14 kawasan di Wilayah Klang dan 12 kawasan di Wilayah Shah Alam bagi menjalankan kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu bermula 30 Mac 2021.

Kerja-kerja tersebut bermula jam 9 pagi, Selasa dan bekalan air dijangka pulih sepenuhnya pada jam 9 pagi pada hari Khamis ini.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Emosi rakyat semakin terganggu
Muka Surat	:	6

# Emosi rakyat semakin terganggu

Kawasan Lembah Klang sering mengalami gangguan bekalan air bersih.

## SHAH ALAM

**K**ekerapan gangguan bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur sejak beberapa tahun ini menyebabkan emosi penduduk di kawasan yang sering terjejas menjadi sensitif.

Namun begitu, Pengerusi Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Ma-



Kerja penyambungan dan alih paip baharu mulai Selasa.

laysia (AWER). S Piarapakaran menjelaskan, kerja penyelenggaraan aset yang akan dilaksanakan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di Selangor dan Kuala Lumpur tidak dapat dielakkan.

Beliau berkata, ia bagi mengelakkan kesan lebih buruk pada masa akan datang sekiranya aset tidak diselenggara mengikut jadual ditetapkan.


"Jika kereta digunakan melebihi had dan tak selenggara ikut masa pun akan ada kesannya, apatah lagi jika melibatkan aset yang digunakan dalam skala besar.

"Jika pam rosak, kerja pembaikan akan mengambil masa yang lebih lama. Perlu cari alat ganti lagi, jadi lebih baik selenggara ikut jadual. Jika guna lebih had, risikonya lebih tinggi," katanya mengulas mengenai gangguan bekalan air di beberapa lokasi bermula Selasa bagi memberi laluan kepada kerja penyelenggaraan aset Air Selangor.

Piarapakaran berkata lagi, beliau yakin Air Selangor mempunyai pengalaman luas mengendalikan isu gangguan bekalan air di kawasan terlibat.

"Cuma kita harap gangguan ini tidak terlalu teruk. Kalau boleh minimumkan kesannya kurang kepada 30 peratus dan bukannya terjejas secara 100 peratus.

"Selain itu, Air Selangor perlu memberikan maklumat jelas kepada pengguna. Air Selangor juga perlu mempunyai alternatif pada masa akan datang untuk mengurangkan gangguan bekalan air kepada penduduk," katanya.



Selangor dan Wilayah Persekutuan sering menghadapi gangguan bekalan air yang menjejaskan aktiviti penduduk. Gambar kecil: S Piarapakaran



Pengguna terpaksa berbaris dan menunggu lori tangki untuk mendapatkan bekalan air.



## KERATAN AKHBAR

### 30 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Jualan tong air meningkat empat kali ganda
Muka Surat	:	6

### Jualan tong air meningkat empat kali ganda

**SHAH ALAM** - Permintaan tong air di Kampung Jalan Kebun, Seksyen 30 di sini meningkat selepas pihak Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengumumkan gangguan bekalan air di Selangor bermula Selasa.

Tinjauan *Sinar Harian* ke beberapa kedai menjual barangan plastik dan logam di sekitar kawasan tersebut mendapati bilangan tong air yang dipapar di premis berkurangan secara drastik.

Antara jenis tong air yang paling mendapat sambutan dalam kalangan pembeli ialah tong plastik yang mampu menampung sebanyak 120 liter air.

Pemilik sebuah kedai menjual barangan plastik yang ingin dikenali sebagai Luezita berkata, ramai pelanggan datang ke kedainya sejak dua hari lalu untuk mendapatkan tong air bagi menghadapi gangguan bekalan air pada Selasa.

Menurutnya, hasil jualan tong air



Jualan tong air meningkat empat kali ganda berbanding hari biasa selepas penduduk dimaklumkan berkenaan gangguan bekalan air pada Selasa.

meningkat sehingga empat kali ganda daripada hari biasa, dengan purata jumlah tong terjual sebanyak 20 hingga 30 tong air sehari.

"Pelanggan datang ke kedai ini membawa bajet tertentu mengikut ma-

terial yang dimahukan.

"Harga tong air yang saya jual bermula daripada bawah RM50 sehingga RM140, bergantung kepada saiz dan jenis material tong," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Bagi pekerja di kedai barangan logam yang ingin dikenali sebagai Aionon, tong air menjadi satu kewajipan bagi penduduk sekitar sini kerana mereka sering mengalami masalah gangguan air.

Ujarnya, pelanggan akan membeli tong air mengikut ruang penyimpanan air yang mereka mahu letakkan tong tersebut.

"Dari segi saiz tong air, pelanggan pilih mengikut keluasan ruang rumah. Jika ruangnya kecil, mereka akan pilih tong yang sempit tapi tinggi dan jika ruang rumah luas, mereka pilih tong yang lebar dan rendah.

"Saya akan bertanya kepada pelanggan jika mereka menyimpan air di luar atau dalam rumah kerana jika tong itu dibiarkan di luar rumah, saya akan menasihatkan mereka mendapatkan tong yang lebih tebal dan berpenutup kerana ia tahan lebih lama," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	ECRL Kerajaan rugi RM1.25 juta sehari
Muka Surat	:	13

# ECRL: Kerajaan rugi RM1.25 juta sehari

Penangguhan mungkin berlanjutan sekiranya kerajaan negeri Selangor kekal keputusan itu

**PUTRAJAYA**

**K**erajaan menanggung kerugian kira-kira RM1.25 juta sehari ekoran keputusan kerajaan Selangor menangguhkan persetujuan penajajaran semula projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), kata Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Mohd Zuki berkata, projek kereta api mega kerjasama Malaysia dan China itu tertangguh berlanjutan sekiranya kerajaan negeri Selangor mengekalkan pendirian tersebut.

“Saya harap kerajaan negeri Selangor memberi keputusan tentang jajaran mana yang diputuskan.

“Bagi saya, tidak ada alasan untuk kerajaan negeri Selangor menangguhkan keputusan me-reka kerana kita (MRL) sudah memberi semua penjelasan berkaitan projek,” katanya selepas melancarkan buku karyanya bertajuk ‘365 Hari: Aspirasi dan Cabaran Mohd Zuki Ali’ di sini pada Isnin.

Memperincikan tentang ECRL itu, Mohd Zuki berkata, projek yang dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2026 terbahagi kepada tiga seksyen iaitu Seksyen A (Kota Bharu-Dungun), Seksyen B (Dungun-Mentakab), dan Seksyen C (Mentakab-Pelabuhan Klang).

“Seksyen A sudah selesai manakala Seksyen B sudah selesai dari segi perancangan dan urusan untuk meneruskan projek,” katanya.



Mohd Zuki menunjukkan hasil karya sulungnya bertajuk ‘365 Hari: Aspirasi dan Cabaran Mohd Zuki Ali’ selepas pelancarannya di Putrajaya pada Isnin.

Kerajaan negeri Selangor dilapor mempertahankan pendirian untuk tidak bersetuju dengan cadangan penajajaran semula ECRL melibatkan Seksyen C walaupun MRL telah memberikan penyelesaian dan mitigasi yang melibatkan perlindungan alam sekitar, mem-

nimumkan kesan sosial serta meningkatkan kesalinghubungan kereta api.

Selain menanggung kerugian besar, Mohd Zuki menzahirkan kebimbangan sekiranya projek rangkaian kereta api itu terus tertangguh, berkemungkinan menjejaskan

imej negara di mata China.

Susulan pendirian kerajaan negeri Selangor itu, beliau berkata, memorandum berkaitan ECRL akan diserahkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong kepada jemaah menteri dalam masa terdekat bagi mencari penyelesaian terhadap penangguhan projek berkenaan.

Mengenai buku karya beliau, Mohd Zuki yang juga Ketua Setiausaha Negara (KSN) berkata, buku itu berkisar tentang cabaran yang dihadapinya sebagai KSN ke-15, bermula dengan pergolakan politik, disusuli pandemik Covid-19 yang menjejaskan ekonomi negara.

Mohd Zuki berkata, buku autobiografi khas berkaitan pengalaman beliau serta kupasan pandangan terhadap sektor perkhidmatan awam yang kini di peringkat akhir penulisan, dijangka siap selewat-lewatnya hujung tahun ini. - Bernama



**KERATAN AKHBAR**  
**30 March 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sajat nafi menyorok daripada JAIS
Muka Surat	:	18

## Sajat nafi menyorok daripada JAIS

**SHAH ALAM** - Usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau Nur Sajat menafikan beliau bersembunyi daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan pihak berkuasa sebelum ini.

Menurut video berdurasi 2:21 minit yang dimuat naik menerusi media sosial itu, Nur Sajat menafikan beliau melarikan diri daripada pihak berkuasa.

“Masa bila kita jadi pelarian? Buat apa nak jadi pelarian?”

“Masa bila saya menyorok? Ada ke awak nampak saya menyorok?” katanya menerusi video berkenaan.

Nur Sajat mendakwa beliau mendi-  
amkan diri disebabkan keadaan beliau yang tidak sihat.

“Saya bukan menyorok, tapi hanya mendi-  
amkan diri dari Instagram,” ujar-nya.

Bagaimanapun sepanjang menja-  
wab soalan netizen, Sajat tidak mende-  
dahkan wajahnya dalam video tersebut.

Nur Sajat sebelum ini dikenakan  
waran tangkap selepas gagal hadir se-  
butan semula pertuduhan berpakaian  
wanita di Mahkamah Tinggi Syariah  
Shah Alam, Selangor.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Zip line, air pancut muzikal tarikan baharu Shah Alam
Muka Surat	:	19

Dua produk pelancongan baharu di Taman Tasik Shah Alam mula dibuka April ini

**SHAH ALAM**

**T**aman Tasik Shah Alam akan 'diserikan' dengan penambahan dua produk pelancongan baharu iaitu zip line (*flying fox*) Shah Alam dan Laman Budaya Air Pancut Muzikal pada April depan susulan kejayaan pembukaan Taman Persahabatan Selangor-Jepun awal bulan ini.

Pemangku Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan berkata, pembukaan kedua-dua produk pelancongan bermula 1 April depan bertujuan memaju dan memperkasa pelancongan tempatan terutama di Shah Alam.

Beliau berkata, pengunjung yang ingin menyertai aktiviti zip line sepanjang 240 meter itu dibenarkan masuk secara percuma bermula 1 hingga 4 April sempena pembukaan aktiviti sukan lasak tersebut.

"Zip Line Shah Alam akan beroperasi mulai 1 hingga 12 April dari 10 pagi hingga 6.30 malam (Isnin dan Jumaat), 8.30



Tengku Amir Shah (tengah) berkenan berangkat tiba ke Majlis Perasmian Zip Line Shah Alam dan Laman Budaya Musical Fountain di Laman Budaya Taman Tasik Shah Alam pada Khamis lalu.

